



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

9 Julai 2025

KENYATAAN MEDIA PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil Menteri Kewangan II, YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, sebagai saksi untuk memberi keterangan berhubung isu penjualan saham dan penswastaaan MAHB bagi meneruskan prosiding Pengurusan Lapangan Terbang Awam di bawah Kementerian Kewangan (MOF), Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Khazanah Nasional Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), pada 10 Julai 2025 (Khamis).
2. Sepanjang minggu ini, PAC telah mengadakan enam (6) prosiding berhubung isu berkenaan, melibatkan saksi-saksi seperti berikut:
 - i. YM Raja Azmi bin Raja Nazuddin, mantan Ketua Pegawai Eksekutif MAHB;
 - ii. Pn. Lee Jim Leng, Ketua Pegawai Eksekutif, Hong Leong Investment Bank Berhad (HLIB);
 - iii. Datuk Hajah Nik Amlizan Mahamed, Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP];
 - iv. Datuk Abdul Rahman Ahmad, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan, Permodalan Nasional Berhad;
 - v. Dato' Fad'l Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif, Bursa Malaysia; dan
 - vi. Dato' Zain Azhari Mazlan, Pengarah Eksekutif, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), yang mewakili Pengerusi SC, Dato' Mohammad Faiz Azmi.

3. Sehubungan itu, kini PAC telah mengadakan sejumlah 14 mesyuarat prosiding berhubung isu Pengurusan Lapangan Terbang Awam ini. PAC akan hanya membentangkan penyata setelah mengambil keterangan daripada semua pihak yang berkepentingan.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati Binti Samsudin